

27 AUG 2003

Sultanah-Ziarah (Bergambar) (UPDATE 1)

AGONG BERI PENGHORMATAN TERAKHIR SULTANAH KEDAH

ALOR STAR, 27 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri dan Raja-Raja termasuk Sultan Brunei hari ini memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Sultanah Kedah di Istana Anak Bukit di sini.

Seri Paduka berdua tiba di Istana Anak Bukit pada pukul 12.30 tengah hari untuk menziarahi jenazah Tuanku Bahiyah ibni Almarhum Abdul Rahman yang ditempatkan di Balai Penghadapan.

Almarhumah mangkat di Istana Kuala Cegar pukul 12.23 tengah hari semalam setelah gering selama seminggu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba sejurus kemudian untuk bersama-sama ribuan rakyat sebelum itu memberi penghormatan terakhir kepada Sultanah Kedah.

Penasihat Agama Istana Negara Datuk Hassan Din membacakan doa.

Raja-raja turut memberi penghormatan terakhir terhadap jenazah Sultanah Kedah sebelum diusung keluar dari Balai Penghadapan pada pukul 1 petang untuk istiadat pemakaman di Makam Diraja Langgar di sini.

Antara yang hadir ialah Sultan Kelantan, Terengganu dan Selangor, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tengku Mahkota Pahang dan Tengku Mahkota Johor.

Turut memberi penghormatan terakhir menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri serta beberapa menteri kabinet dan para pegawai tinggi kerajaan.

Jenazah Sultanah Kedah kemudian diusung keluar dari Istana Anak Bukit dengan diiringi paluan nobat dan tembakan meriam sebanyak 73 das.

Jenazah Sultanah Kedah disemayamkan di atas pedati dan ditarik perlahan-lahan oleh sebuah kenderaan melintasi barisan kawalan kehormatan melalui Lebuhraya Darul Aman, Jalan Sultanah dan Jalan Langgar sejauh 13 kilometer menuju Makam Diraja Langgar.

Orang ramai yang tidak berpeluang menziarahi Almarhumah di Istana Anak Bukit menunggu di kiri kanan jalan-jalan berkenaan bagi memberi penghormatan terakhir mereka.

Terdahulu, rakyat jelata dari seluruh negeri berbaris panjang di Istana Anak Bukit sejak pukul 8 pagi kerana mahu memberi penghormatan terakhir kepada Tuanku Bahiyah walaupun terpaksa berjalan satu kilometer untuk masuk ke Balai Penghadapan.

Jenazah Almarhumah Sultanah Kedah dibawa dari Istana Kuala Cegar ke Istana Anak Bukit pada pukul 9.45 pagi ini dan orang ramai serta pegawai kerajaan dibenarkan menziarah mulai pukul 10.30 pagi.

Waktu menziarah bagi orang kenamaan dan kerabat Diraja ditetapkan dari pukul 12 tengah hari.

Malam tadi, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood serta Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob menziarahi jenazah Almarhumah Sultanah Kedah di Istana Kuala Cegar.

Tuanku Bahiyah yang mangkat dua hari selepas menyambut hari keputeraan, meninggalkan dua puteri Tunku Soraya, 43, dan Tunku Intan Safinaz, 37, dan lima cucu. Seorang lagi puteri baginda, yang merupakan pasangan kembar Tunku Soraya, Tunku Sarina, mangkat pada 31 Ogos 1991.

Baginda merupakan puteri sulung kepada Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad yang juga Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

MZM AD SN ZS RON